

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
TARIKH : 3.08.2017
SOALAN : NO. 79

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan tindakan drastik rombakan sistem pengurusan dan pengajian di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi menangani gejala dera serta buli dalam kalangan pelajarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebuah universiti yang memberi fokus kepada tujahan pertahanan dan keselamatan dengan visi menjadi sebuah universiti pertahanan yang premier di rantau ini dalam bidang pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu. Sehingga 30 Jun 2017, UPNM mempunyai seramai 2,873 orang pelajar yang merangkumi pecahan 661 orang pelajar peringkat Asasi, 225 orang pelajar peringkat Diploma dan 1,987 orang pelajar peringkat Sarjana Muda.

KPT sedang melaksanakan beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai aktiviti buli di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT), antaranya melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis

Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa lain bagi menjamin kebajikan dan keselamatan mahasiswa, memberi penjelasan mengenai impak negatif aktiviti buli dalam program yang melibatkan pelajar di IPT, meningkatkan tahap keselamatan di kolej kediaman dan memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

KPT melalui dasar sedia turut menerapkan elemen dan nilai kemahiran insaniah bagi mengelakkan perkara seperti dera dan buli berlaku. Dasar sedia ada iaitu penawaran kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di semua IPT adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan keterampilan kemahiran insaniah di samping kemahiran intelektual. Kursus MPU ini adalah wajib kepada semua pelajar. Melalui kursus MPU, pelajar di beri pendedahan melalui empat kelompok kursus MPU iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah; penguasaan kemahiran insaniah; peluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia; dan kemahiran pengurusan masyarakat.